

# MCA kini sedia hadapi pilihan raya

UM 5 NOV 2002

**K**UALA LUMPUR 4 Nov. — MCA kini bersedia menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa selepas isu pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berjaya diselesaikan secara baik.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, pihaknya yakin pengundi Cina akan terus memberi sokongan kepada BN setelah penyelesaian isu yang berlarutan selama beberapa bulan itu diterima oleh semua kaum.

Malah tegasnya, sokongan terhadap BN dijangka terus meningkat jika formula mengenai dasar yang dipersetujui oleh Dewan Tertinggi BN pada Khamis lalu itu diperjelaskan secukupnya kepada rakyat.

“Saya percaya kebanyakan kaum Cina boleh menerima cadangan (formula) ini. Mereka (kini) ada keyakinan kepada BN sebab ia satu keputusan BN yang diluluskan sebulat suara.

“Saya yakin kalau penjelasan yang mencukupi dibuat berkaitan formula dasar ini, mereka akan terima dengan baik,” katanya.

## Masalah

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Deepavali anjuran Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu di Dewan Sekolah Cina Chung Hwa di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada isu pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di SJKC masih menjadi masalah yang me-

nggugat keyakinan pengundi Cina terhadap BN pada pilihan raya umum akan datang.

Dewan Tertinggi BN bersetuju supaya SJKC mengekalkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Mandarin dan pada masa sama memperkenalkan mata pelajaran baru iaitu Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Ini bermakna akan ada dua peperiksaan bagi mata pelajaran Matematik di SJKC dalam bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Begitu juga bagi mata pelajaran Sains.

Turut diperkenalkan kepada murid tahun satu di SJKC mulai tahun depan ialah mata pelajaran bahasa Inggeris.

Dewan Tertinggi BN bersetuju menerima formula tersebut yang dicadang oleh empat parti Cina dengan beberapa pengubahsuaian tanpa menjejaskan dasar yang dipersetujui oleh kerajaan.

Dalam pada itu, Liong Sik berharap parti-parti pembangkang mengkaji semula penolakan mereka terhadap pelawaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya menyertai BN.

Tegasnya: “Tujuan Perdana Menteri membuat jemputan seperti itu adalah murni untuk mencapai perpaduan terutama ketika kita menghadapi cabaran ekonomi dan penjajahan masa ini.

“Oleh itu, adalah perlu kita bersatu menghadapi cabaran ini.”